



FOTO: ZULKEPLI OSMAN

ROCHE (dua dari kanan) serta Husain (tiga dari kanan) bersama peserta pameran selepas sidang media Pameran Hartanah MyRumah 2019.

TARIK 20,000 PENGUNJUNG

myrumah

PAMERAN HARTANAH
20-22 September 2019 | 10 pagi - 10 malam
Kuantan City Mall, Pahang

MyRumah2019

Mohamad Azim Fitri Abd Aziz
azimfitri@hmetro.com.my

Kuantan

Pameran hartanah MyRumah 2019 bakal menemui penduduk di daerah ini khususnya dan amnya bagi seluruh rakyat Pahang bermula 20 hingga 22 September ini.

Pengurus Besar Pengiklanan NSTP, Roche Chew berkata, pameran yang julung kali diadakan di negeri ini sejak 2016 dijangka menarik lebih 20,000 pengunjung yang ingin mendapatkan aset hartanah idaman mereka.

Katanya, pameran itu akan berlangsung di Kuantan City Mall (KCM) di sini, selepas tiga siri pameran yang diadakan sebelum ini di Kuala Lumpur, Melaka dan Johor Bahru.

"Lebih 1,437 unit rumah kediaman dan hartanah komersial dengan jumlah keseluruhan hartanah bernilai RM323.6 juta ditawarkan pada

MyRumah 2019 berlangsung di KCM tawar 1,437 kediaman, hartanah komersial



HUSAIN (tengah) bersama Roche (kanan) pada sesi penerangan Pameran Hartanah MyRumah 2019.

ekspo MyRumah Kuantan.

"Ia bermula seawal jam 10 pagi hingga 10 malam dan kita jangkakan sekurang-kurangnya 20 unit hartanah dapat dijual pada tiga hari ekspo berlangsung.

"MyRumah 2019 menawarkan hartanah dari serendah RM120,000 hingga RM1.58 juta," katanya selepas menyampaikan taklimat kepada wakil pemaaju dan media di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarang Eksekutif (Komersial) Harian Metro, Husain Jahit.

Roche berkata, MyRumah 2019 yang dianjurkan Kumpulan New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) dan

disokong Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) itu bakal menjadi platform kepada penasihat hartanah dan bakal pembeli mendapatkan gambaran luas mengenai sektor terabit.

Katanya, MyRumah 2019 turut menampilkan beberapa pakar dan penasihat hartanah untuk berkongsi serba sedikit mengenai tip pembelian hartanah serta nasihat boleh dijadikan panduan kepada mereka yang ingin membuat pelaburan dalam sektor itu.

"Sebanyak enam pemaaju iaitu KPKT/ Jabatan Perumahan Negara (JPN), Konsor-

tium Perumahan Rakyat Terengganu Sdn Bhd, O&C Properties (Kuantan) Sdn Bhd, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) dan UDA Land (East) Sdn Bhd.

"Pameran ini juga disertai Amanah Raya Berhad, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Takaful IKHLAS," katanya.

Katanya, pameran hartanah MyRumah 2019 mengentengahkan konsep 4E iaitu pembelajaran, pameran, perselantaran dan pengalaman bagi memberi keselesaan serta kemudahan kepada pengunjung.